

**LEKSIKAL PENUTUR DIALEK PULAU PINANG DALAM KALANGAN
KAKITANGAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
DARI SUDUT PRAGMATIK**

Zul Hanis Yop Othman¹
Nabillah bt. Bolhassan²
Universiti Putra Malaysia¹
Kolej Universiti Teknologi Sarawak²

Abstrak

Kajian ini memberi penelitian terhadap leksikal perbualan penutur dialek Pulau Pinang dalam kalangan kakitangan FAMA. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis penggunaan leksikal oleh penutur dialek Pulau Pinang dalam kalangan kakitangan FAMA berdasarkan Teori Relevans. Teori Relevans yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1986) telah dipilih sebagai teori kajian. Data kajian ialah ujaran dialek Pulau Pinang yang dihasilkan dalam kalangan subjek semasa bertutur sama ada dalam situasi formal mahupun tidak formal yang terdiri daripada kakitangan FAMA. Subjek terpilih sememangnya berasal dari negeri Pulau Pinang dan bekerja di FAMA Ibu Pejabat Bandar Baru Selayang di Selangor. Lingkungan umur subjek ialah 20, 30 dan 40 tahun. Perbualan subjek dirakam secara spontan dengan bantuan alat perakam suara, teknik pemerhatian dan catatan. Data yang dirakam dan dicatat telah dibahagikan mengikut situasi dan dijadualkan untuk dianalisis makna dari sudut semantik dan pragmatik menggunakan teori relevans. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat kekaburan dan kekeliruan makna perkataan kepada pendengar bagi mendapatkan makna sebenar yang diujarkan. Hal ini kerana pendengar bukan penutur jati dialek Pulau Pinang. Bagi memahami makna ujaran tersebut, tiga aspek dalam Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) digunakan iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses.

Kata kunci: Leksikal, Perbualan, Dialek Pulau Pinang, Teori Relevans

Abstract

This study provides an examination of the lexical conversations of Penang dialect speakers among FAMA staff. The objective of this study is to identify and analyze the lexical use by Penang dialect speakers among FAMA staff based on Relevance Theory. The Relevance Theory pioneered by Sperber and Wilson (1986) was chosen as the study theory. The data of the study are the utterances of the Penang dialect produced among the subjects while speaking either in formal or informal situations consisting of FAMA staff. The selected subjects are originally from the state of Penang and work at FAMA Bandar Baru Selayang Headquarters in Selangor. The age range of the subjects was 20, 30 and 40 years. Subject conversations are recorded spontaneously with the help of voice recorders, observation techniques and notes. The recorded and recorded data were divided according to the situation and were scheduled to be analyzed for meaning from a semantic and pragmatic point of view using relevance theory. The results of the study found that there is ambiguity and confusion of the meaning of the word to the listener to get the real meaning uttered. This is because the listener is not a native speaker of the Penang dialect. To understand the meaning of the utterance, three aspects in Theory of Relevance by Sperber and Wilson (1986) namely context, contextual effects and processing efforts.

Keywords: *Lexical, Conversation, Penang Dialect, Relevance Theory*

PENGENALAN

Malaysia terkenal dengan budaya yang unik dan masyarakat majmuk. Asmah Hj Omar (1991) telah menjelaskan bahawa dialek di Malaysia dibahagikan kepada lima kelompok kawasan seperti berikut;

1. Kawasan Barat Daya : Kedah, Perlis, Pulau Pinang yang Perak Utara
2. Kawasan Timur Laut : Kelantan
3. Kawasan Timur : Terengganu
4. Kawasan Selatan : Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Perak Selatan

Dialek ada bentuk yang tersendiri dituturkan di kawasan yang berlainan bentuk bahasa baku, baik dari sudut tatabahasa dan sebutan (Abdul Hamid Mahmood, 1990). Menurut Norzila (1986), terdapat perbezaan pengaruh alam dan persekitaran dalam pertuturan sesuatu bahasa dan dialek tersebut.

Ajid Che Kob (2005) menjelaskan sama ada pertuturan itu bahasa atau dialek, terdapat beberapa ciri yang boleh dikategorikan iaitu mempunyai kawasan atau daerah tertentu, perbezaan memadai daripada bentuk baku atau bentuk persuratan bagi bahasa tersebut dari segi sebutan, struktur tatabahasa (fonologi, morfologi dan sintaksis). Menurut Ajid Che Kob (2005) lagi, penggunaan kata tidaklah berbeza dari segi penggunaan dan sebutan bentuk pertuturan dalam bahasa sehingga menjadi dua bahasa yang berbeza.

Faizal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2011) pernah memberitahu bahawa dialek ialah satu bentuk ujaran setempat yang ada keunikan dan ciri-ciri yang berbeza tetapi seakan sama antara satu sama lain. Tambah Faizal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2011), dialektologi ditakrifkan sebagai bidang linguistik yang menjadi penghuraian dan penganalisis bahasa yang mempunyai kelainan mengikut kawasan, sosial, atau tempoh untuk menunjukkan perbezaan sebutan, tatabahasa, dan kosa kata. Selain itu, Faizal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2011) turut menghuraikan bahawa dialek mempunyai kelainan bahasa yang terdapat perbezaan dari segi sebutan, tatabahasa dan kosa kata daripada bahasa baku dan boleh diklasifikasikan sebagai bentuk bahasa rendah dan kedesaan yang dituturkan oleh golongan tani dan kelas kerja yang tidak bertaraf tinggi.

Menurut Asmah Haji Omar (1993), subkawasan dialek Melayu Utara terbahagi kepada lima iaitu subkawasan Perlis, Pulau Langkawi, Lembah Kedah-Seberang Perai yang membentang dari Kubang Pasu ke Bandar Baharu, subkawasan sempadan yang membentang dari Padang Besar ke arah timur dan selatan serta subkawasan Pulau Pinang. Maka, dialek Pulau Pinang tergolong dalam salah satu dialek utara. Ong Su Teck et al. (2016) berpendapat penduduk di Pulau Pinang bertutur dengan menggunakan dialek Melayu Kedah.

Latar Belakang Negeri Pulau Pinang

Negeri pulau terletak di persisiran barat laut semenanjung Malaysia yang mempunyai sejarah tersendiri dalam sejarah pembinaan negara Malaysia (Faizal Mohamed Mohamed Sultan, 2012). Faizal Mohamed Mohamed Sultan (2012) menjelaskan bahawa dialek Pulau Pinang mempunyai lakuan bahasanya yang tersendiri. Perkara ini telah disokong dalam dapatan kajian yang diperoleh Ong Su Teck et al. (2016) telah membuktikan bahawa subdialek Pulau Pinang mempunyai ciri-ciri keunikan yang tersendiri baik dari segi kata, frasa dan ayat yang digunakan dalam perbualan berbanding dengan bahasa Melayu standard. Menurut Ong Su Teck et al. (2016), penduduk negeri Pulau Pinang kebanyakannya bertutur menggunakan dialek Melayu Kedah. Kajian Asmah Haji Omar (1985) juga telah membuktikan bahawa dialek Melayu Utara digunakan dalam pertuturan empat buah negeri seperti negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak Utara dan Perlis.

SOROTAN LITERATUR

Kajian Berkaitan Dialek Pulau Pinang

Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2017) menjalankan kajian mengenai dialek Pulau Pinang dengan memfokuskan kata soal terbuka dan tertutup dalam ayat. Data primer terdiri daripada penutur natif dialek Pulau Pinang. Analisis kajian Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2017) mendapati bahawa kata soal yang terlibat ialah *apa, bila, awat, pasai apa, berapa, lagu mana dan mana*. Beliau menegaskan bahawa dalam dialek Pulau Pinang, kata soal itu sama kedudukan dalam semua posisi ayat soal sama ada depan, tengah dan belakang.

Ong Su Teck et al. (2016), telah menjalankan kajian berkenaan dengan fonologi subdialek Pulau Pinang. Objektif kajian Ong Su Teck et al. (2016) untuk menjelaskan inventori fonem dalam subdialek Pulau Pinang dan perbandingan proses fonologi subdialek dengan dialek Melayu Kedah standard. Hasil kajian mendapati konsonan dalam dialek Melayu Kedah berbeza dengan subdialek Pulau Pinang kerana terdapat proses fonologi seperti proses peleburan segmen rangkap dan proses asimilasi nasal-obstruen subdialek ada perbezaan dengan ragam dialek Kedah.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Norasmira Noordin (2012) telah membuktikan bahawa kata tanya dialek Pulau Pinang tidak bersifat *in-situ* tetapi bergerak. Dalam kajian ini, Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Norasmira Noordin (2012) menganalisis menggunakan pendekatan kerangka Program Minimalis. Kata tanya mana telah dikaitkan dengan fitur OP pergerakan dihalang dan bersifat *in-situ*.

Rogayah A. Razak (2005) juga telah mengkaji kata tanya dialek Pulau Pinang dengan dialek Melaka. Kesimpulan Rogayah A. Razak (2005) dalam kajiannya berpendapat bahawa kata tanya *kenapa* digunakan dalam bahasa Melayu sahaja dan tidak ada dalam dialek kajiannya. Hal ini telah membuka ruang kepada pengkaji baru untuk mengkaji secara menyeluruh mengenai kata tanya dalam dialek Pulau Pinang dan Melaka.

Kajian Berkaitan Teori Relevans

Zul Hanis dan Zaitul Azma (2020) telah menggunakan teori relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) dalam kajian ketaksaan dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu. Hasil kajian mendapati bahawa peniaga Terengganu memang gemar dan suka menggunakan unsur taksa secara semula jadi dalam perbualan khusus urusan jual beli. Jenis ketaksaan yang dikesan ialah ketaksaan kata, frasa dan ayat. Menurut Zul Hanis dan Zaitul Azma (2020), teori relevans dapat menyelesaikan masalah kekaburan makna kata, frasa dan ayat dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu melalui tiga gagasan utama iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses.

Norhidayu Hasan (2018) telah membuat kajian tentang implikatur makna tersirat dalam filem patriotik. Menurut Norhidayu Hasan (2018), implikatur yang terhasil dalam filem tersebut telah melanggar Prinsip Kerjasama Grice dan memerlukan kesan konteks dalam teori relevan (1986) untuk mendapatkan makna sebenar ujaran oleh penutur.

Fatin Rabiha dan Zaitul Azma (2017) dalam kajian implisit dalam filem dengan menggunakan teori relevans (1986). Fatin Rabiha dan Zaitul Azma (2017) telah membuktikan bahawa di dalam filem Melayu Klasik 'Sri Mersing' mempunyai unsur implisit yang paling ketara. Antara unsur implisit yang ditemui ialah kata, frasa dan ayat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima petikan yang dikesan ada unsur implisit dalam filem tersebut. Fatin Rabiha dan Zaitul Azma (2017) telah membuktikan bahawa melalui penggunaan teori relevan telah merungkaikan makna yang implisit. Rumusan kajian oleh Fatin Rabiha dan Zaitul Azma (2017) menyimpulkan bahawa bahasa Melayu dalam masyarakat kaya dengan seni berbahasa yang sarat dengan ujaran tersirat.

Kajian Berkaitan Makna Ujaran

Nur Hafizah Razali dan Normaliza Abd Rahim (2016) telah meneliti kajian makna ujaran dalam kalangan masyarakat Banjar di Selangor. Teknik kajian adalah menemu bual keluarga dan merakam perbualan semasa majlis pertunangan, perayaan dan kenduri perkahwinan. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa dengan mengaplikasi ilmu pragmatik, makna ujaran dapat dianalisis dengan lebih tepat dan jelas berdasarkan konteks situasi sebenar.

Noor Rohana Mansor et al. (2014) telah mengkaji dialek perbualan masyarakat daerah Kuala Terengganu. Fokus perbualan ialah semasa bersembang di kedai kopi. Hasil kajian mendapati, subjek lebih gemar dan selesa menutur dalam dialek daerah kerana menampakkan keyakinan ketika bersembang. Dapatan oleh Normaliza Abd Rahim et al. (2014) ini jelas menampakkan dialek Terengganu digunakan dengan meluas oleh pengunjung kedai kopi.

Selain itu, Siti Hamidah Mohd Lasim (2002) telah mengkaji makna dalam wacana perbualan yang merujuk sebuah novel. Kesemua wacana diteliti dan dianalisis oleh Siti Hamidah Mohd Lasim (2002) bagi memperoleh makna tersirat dan tersurat dalam sesuatu ujaran wacana mengikut situasi amalan ilmu pragmatik. Hasil dapatanya mendapati bahawa sesuatu makna wacana boleh dihuraikan dengan lebih mendalam melalui semantik dan pragmatik. Hal ini kerana Amirah Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin (2013) telah menyokong kenyataan oleh Siti Hamidah Mohd Lasim (2002) dengan menyatakan bahawa ilmu pragmatik sesuai dalam menghuraikan makna dengan jelas dan tepat dalam kalangan penutur untuk memberi kejelasan hasrat penutur berkenaan.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti penggunaan leksikal oleh penutur dialek Pulau Pinang dalam kalangan kakitangan FAMA.
2. Menganalisis penggunaan leksikal oleh penutur dialek Pulau Pinang dalam kalangan kakitangan FAMA berdasarkan Teori Relevans.

METODOLOGI KAJIAN

Teori Relevans yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1986) telah dipilih sebagai teori kajian. Data kajian ialah ujaran dialek Pulau Pinang yang dihasilkan dalam kalangan subjek semasa bertutur sama ada dalam situasi formal mahupun tidak formal yang terdiri daripada kakitangan FAMA. Kaedah kajian ini adalah secara kualitatif. Subjek terpilih sememangnya berasal dari negeri Pulau Pinang dan bekerja di FAMA Ibu Pejabat Bandar Baru Selayang di Selangor. Lingkungan umur subjek ialah 20, 30 dan 40 tahun. Perbualan subjek dirakam secara spontan dengan bantuan alat perakam suara, teknik pemerhatian dan catatan. Data dirakam di Depoh Operasi Buah Ibu Pejabat FAMA dan semasa berkumpul di Restoran De Maju. Kesemua perbualan yang diujarkan secara spontan telah dirakam dan dicatat oleh pengkaji. Data yang dirakam dan dicatat telah dibahagikan mengikut situasi dan dijadualkan untuk dianalisis makna dari sudut semantik dan pragmatik menggunakan teori relevans.

Teori Relevans

Sperber dan Wilson (1986) telah memperkenalkan Teori Relevans yang berpandukan tiga konsep utama seperti berikut:

- 1) Konteks : Andaian semula jadi berdasarkan binaan psikologi yang muncul dalam set pemikiran pendengar bagi proses menginterpretasikan maklumat yang diberikan oleh penutur.
- 2) Kesan Konteks : Andaian awal mengenai maklumat tersimpan sebagai catatan ensiklopedia yang relevan dalam diri.

- 3) Usaha Memproses : Usaha memproses maklumat sekiranya ujaran mudah difahami, maka kos proses maklumat dikategorikan sebagai rendah tetapi jika sebaliknya, kos proses maklumat ujaran dianggap tinggi. Maklumat yang relevan dengan kos proses yang rendah akan melahirkan kesan konteks yang tinggi. Ujaran yang sukar difahami akan menyebabkan kos proses bagi maklumat itu dianggap tinggi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data 1: Kelepieaq

Lokasi: Depoh Pusat Operasi Buah Ibu Pejabat FAMA

Jadual 1: Perbualan di antara S1 dan S2

Subjek	Dialek Pulau Pinang	Bahasa Melayu
S1	Mad, bila hang nak siap hang punya qeja ni Mad? Bila hang nak angkut bakul- bakul ni Mad?	Mad, bila kau nak siap kau punya kerja ni Mad? Bila kau nak angkut bakul- bakul ni Mad?
S2	Bos, ni bukan keje saya. Tu Tuah.	Bos, ni bukan kerja saya. Tu Tuah.
S1	Hang tak usah dok <i>kelepieaq</i> . Ini memang qeja hang.	Kau tak usah duk <i>kelepieaq</i> . Ini memang kerja kau.

Situasi perbualan jadual 1 berlaku semasa lawatan kerja di Depoh Pusat Operasi Buah Ibu Pejabat FAMA di Selayang. Jadual 1 merupakan perbualan di antara dua orang. Situasi perbualan berlaku ketika seorang ketua pergi membuat lawatan kerja untuk membuat pemeriksaan tenaga kerja yang berkerja di Depoh Pusat Operasi Buah untuk memastikan kelancaran kerja seperti yang dijadualkan. S1 bertanya kepada S2 tempoh masa untuk siapkan kerja seperti yang diarahkan. ‘*Mad, bila hang nak siap hang punya qeja ni Mad? Bila hang nak angkut bakul- bakul ni Mad?*’ (Mad, bila kau nak siap kau punya kerja ni Mad? Bila kau nak angkut bakul- bakul ni Mad?). Manakala S2 memberikan jawapan iaitu ‘*Bos, ni bukan keje saya. Tu Tuah.*’. Hal ini kerana, S2 menegaskan bahawa itu bukan tugasnya dan memberitahu bahawa itu tugas Tuah iaitu rakan sekerjanya di depoh. Kemudian, S1 membalas dengan kenyataan ‘*Hang tak usah dok kelepieaq. Ini memang qeja hang.*’ (*Kau tak usah duk kelepieaq. Ini memang kerja kau*). Perkataan *kelepieaq* yang diujarkan oleh S1 dalam dialek Pulau Pinang telah menimbulkan satu kekeliruan makna kepada pendengar untuk memahami maksud sebenar perkataan tersebut. Kekeliruan makna bagi orang yang bukan penutur dialek Pulau Pinang bagi perkataan [ke. le. phiaq] telah menyebabkan pengkaji membuat beberapa andaian seperti berikut;

- a) Temberang ketika bercakap
- b) Menafikan sesuatu perkara
- c) Mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu

Untuk memahami makna *kelepieaq* dengan jelas, pengkaji telah menghuraikan seperti jadual 2 berikut;

Jadual 2: Keterangan Makna *Kelepieaq*

Perkataan	Sebutan	Maksud	Contoh penggunaan dalam ayat
Kelepiaq	[Ke.le.phiaq]	Elakkan diri daripada membuat kerja	Hang jangan duk <i>kelepiaq</i> kalau aku suruh pergi kedai.

Berdasarkan jadual 2 di atas, maksud *kelepiaq* ialah mengelak diri daripada membuat kerja. Jika merujuk kepada andaian – andaian yang dibuat oleh pengkaji, andaian (a) temberang ketika bercakap dan andaian (b) menafikan sesuatu perkara tidak menjelaskan makna yang tepat seperti yang dihajati oleh penutur S1. Andaian (c) iaitu mengelakkan diri daripada melakukan sesuatu dianggap paling relevans maksudnya seperti yang dihajati penutur S1 kepada S2. Mengikut Teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1995), kerelevanan perbualan merujuk kepada kesan konteks atau kognitif manusia serta usaha pemrosesan maklumat. Perkara ini disokong oleh Nur Hafizah Razali dan Normaliza Abd Rahim (2016), jika tinggi kesan kognitif yang terhasil, maka relevanlah perbualan itu dan kos maklumat untuk diproses semakin rendah.

Bagi situasi perbualan pada jadual 1 di antara S1 dengan S2, konteks yang disampaikan oleh S1 kurang difahami oleh pengkaji sehingga menyebabkan pengkaji terpaksa merujuk dan mendalami setiap perbualan di antara S1 dengan S2 bagi memahami ungkapan setiap perbualan. Oleh itu, pengkaji telah memahami konteks perbualan yang melibatkan dunia sebenar yang berlaku mengikut persekitaran yang nyata. Hal ini telah dijelaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) bahawa konteks terhasil melalui persekitaran kehidupan manusia dan juga perkara yang tersimpan dan tercatat di dalam ensiklopedia yang semulajadi ada dalam memori seseorang.

Sehubungan dengan itu, Teori Relevans (Sperber dan Wilson, 1986) berdasarkan perbualan dalam jadual 1 telah menjelaskan bahawa pengkaji telah memahami topik perbualan S1 dengan S2. Perkataan *kelepiaq* berjaya difahami oleh pengkaji dengan bantuan Teori Relevans. Bermakna kefahaman antara kedua belah pihak tercapai dengan gambaran perihal konteks dan juga kognitif dalam diri pengkaji.

Data 2: Tanggung Taik

Lokasi: Depoh Pusat Operasi Buah Ibu Pejabat FAMA

Jadual 3: Perbualan di antara S1 dan S2

Subjek	Dialek Pulau Pinang	Bahasa Melayu
S1	Tak bos. Ni memang keje Tuah. Tak kan saya nak buat hak Tuah.	Tak bos. Ni memang kerja Tuah. Tak kan saya nak buat kerja Tuah.
S2	Awat hang tak <i>tanggung taik</i> diya ja?	Kenapa kau tak <i>tanggung taik</i> dia je?

Perbualan jadual 3 di atas masih berlaku di tempat yang sama iaitu di Depoh Pusat Operasi Buah Ibu Pejabat FAMA. S1 merupakan perkerja di bawah seliaan S2 di FAMA yang bertugas di depoh. Melalui perbualan jadual 3, S1 menegaskan bahawa itu bukan tugasnya dan merupakan tugas rakannya iaitu Tuah. ‘*Tak bos. Ni memang keje Tuah. Tak kan saya nak buat hak Tuah.*’. S1 menegaskan bahawa dia tidak akan melakukan kerja itu kerana kerja itu sepatutnya dilakukan oleh Tuah. S2 pula menjawab ‘Awat hang tak *tanggung taik* diya ja?’ (Kenapa kau tak *tanggung taik* dia je?). Perbualan S2 kepada S1 ini telah memberi keraguan kepada pengkaji selaku pendengar dan pembaca

kerana S2 ada menyebut frasa *tanggung taik* yang menyebabkan pengkaji tidak faham. Justeru, andaian yang bermain di minda pengkaji tentang frasa *tanggung taik* seperti berikut;

- a) Angkut najis
- b) Tanggung kerja orang lain
- c) Bantu orang lain

Bagi menjelaskan *tanggung taik*, pengkaji telah menghuraikan seperti jadual 4 berikut;

Jadual 4: Keterangan Makna *Tanggung Taik*

Perkataan	Sebutan	Maksud	Contoh penggunaan dalam ayat
Tanggung taik	[<i>tang.gung</i>] [<i>ta.ik</i>]	Menanggung beban kerja orang lain	Saya tak mau tanggung taik diya. Tu kerja diya bukan saya.

Berdasarkan jadual 4, maksud *tanggung taik* ialah menanggung beban kerja orang lain. Hal ini membuatkan pengkaji selaku pendengar mencipta andaian tersendiri iaitu (a) angkut najis, (b) tanggung kerja orang lain dan (c) bantu orang lain. Namun begitu, jika merujuk kepada jadual 4, andaian yang paling relevans dan tepat ialah andaian (b). Pengkaji terpaksa melihat dan mengkaji balik perbualan lepas untuk membantu bagi mendapatkan makna yang tepat seperti yang diujarkan oleh S2 kepada S1. Hal ini menyebabkan pengkaji selaku pendengar memerlukan data proses yang tinggi bagi menghubungkan maklumat untuk memahami maksud *tanggung taik* itu. Pengkaji berpendapat, sekiranya pendengar tidak melihat konteks awalan situasi cerita, maka makna tersebut sukar untuk difahami dan memerlukan usaha memproses yang tinggi. Pendapat ini disokong oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2007) dengan kenyataan jika kesan konteks kurang dihasilkan, ujaran itu tidak relevans dan kos memproses maklumat semakin tinggi.

Namun begitu, pengkaji telah melihat kepada perihal keadaan situasi konteks dalam perbualan itu dan dengan jelasnya *tanggung taik* boleh difahami maknanya. Zaitul Azma (2002) telah menyatakan bahawa keperihalan keadaan sekitar boleh membantu untuk mendapatkan makna yang sebenar sesuatu ujaran bagi makna kata, frasa dan ayat. Oleh itu, dengan maklumat melalui keterangan makna seperti jadual 4 telah membantu pengkaji merangkumkan makna melalui beberapa andaian yang terbina. Hubungan antara pengalaman sedia ada dan pengalaman melalui imbasan dunia sebenar dapat mewujudkan maklumat yang sememangnya sudah tersedia dalam catatan ensiklopedia pengkaji. Perkara ini sangat mudah jika konteks dan kesan konteks yang saling melengkapi dan kuat.

Jelaslah di sini bahawa perbualan jadual 3 di antara S1 dengan S2 tersebut relevans kerana penutur dan pendengar telah bertindak memahami dengan jelas akan perbualan berserta ada tindak balas walaupun kos memproses untuk pengkaji adalah tinggi, namun dengan Teori Relevans dapat diselesaikan bagi kekaburan makna perkataan itu.

Data 3: Baloq Liat. Penyegan Babi Kasi

Lokasi: De Maju Restoran Bandar Baru Selayang

Jadual 5: Perbualan di antara S1 dan S2

Subjek	Dialek Pulau Pinang	Bahasa Melayu
--------	---------------------	---------------

S1	Hari tu saya ada jumpa diya. Saya pun jarang jumpa diya walau sepupu. Tanya diya masa raya hari tu. Hang qeja mana la ni? Tau diya habaq apa? Aku bukan tak mau qeja, badan dok sakit lengoh-lengoh. Mata doh kelabu.	Hari tu saya ada jumpa dia. Saya pun jarang jumpa dia walaupun sepupu. Tanya dia masa raya hari tu. Kau kerja mana sekarang? Tahu dia cakap apa? Aku bukan tak mahu kerja, badan sakit lenguh-lenguh. Mata dah kelabu.
S2	Awat hang tak habaq diya kata hang ni bukan badan lengoh. Hang bukan mata kelabu. Hang <i>baloq liat</i> . <i>Penyegan babi kasi</i> . Eh dia dok lagu tu ja no. Sama ja macam dulu.	Kenapa kau tak bagitahu dia kata kau ni bukan badan lenguh. Kau bukan mata kelabu. Kau <i>balok liat</i> . <i>Penyegan babi kasi</i> . Eh dia macam tu je kan. Sama macam dulu.

Perbualan dalam jadual 5 berlaku ketika makan tengah hari di sebuah restoran bernama De Maju yang terletak di Bandar Baru Selayang. Perbualan dimulakan dengan pertanyaan S2 kepada S1 mengenai sepupunya. S1 menjawab '*Hari tu saya ada jumpa diya. Saya pun jarang jumpa diya walau sepupu. Tanya diya masa raya hari tu. Hang qeja mana la ni? Tau diya habaq apa? Aku bukan tak mau qeja, badan dok sakit lengoh-lengoh. Mata doh kelabu*'. (Hari tu saya ada jumpa dia. Saya pun jarang jumpa dia walaupun sepupu. Tanya dia masa raya hari tu. Kau kerja mana sekarang? Tahu dia cakap apa? Aku bukan tak mahu kerja, badan sakit lenguh-lenguh. Mata dah kelabu). Manakala S2 pula balas '*Awat hang tak habaq diya kata hang ni bukan badan lengoh. Hang bukan mata kelabu. Hang baloq liat. Penyegan babi kasi. Eh dia dok lagu tu ja no. Sama ja macam dulu*'. (Kenapa kau tak bagitahu dia kata kau ni bukan badan lenguh. Kau bukan mata kelabu. *Kau balok liat. Penyegan babi kasi*. Eh dia macam tu je kan. Sama macam dulu). Berdasarkan perbualan tersebut, pengkaji mendapati bahawa terdapat ayat yang diujarkan dalam dialek Pulau Pinang oleh S2 kepada S1 iaitu *baloq liat* dan *penyegan babi kasi* telah menyebabkan keraguan makna kepada pendengar. Oleh itu, beberapa andaian yang telah dibuat oleh pengkaji berhubung dengan perbualan di atas. Andaian tersebut ialah;

- a) Sangat pemalas
- b) Banyak alasan kerana tidak mahu berkerja
- c) Tidak mahu berubah ke arah kebaikan

Bagi menjelaskan lagi makna *baloq liat* dan *penyegan babi kasi*, huraian terperinci seperti jadual 6;

Jadual 6: Keterangan Makna *Baloq Liat* dan *Penyegan Babi Kasi*.

Perkataan	Sebutan	Maksud	Contoh penggunaan dalam ayat
Baloq liat.	[Ba.loq][li.at]	Seorang yang sangat pemalas.	Hang memang baloq liat.
Penyegan babi kasi	[Pe.nye.gan] [ba.bi] [ka.si]		Penyegan babi kasi. Sampai la pun hang tak maju kalau duk lagu ni.

Berdasarkan jadual 6, *baloq liat* dan *penyegan babi kasi* bermaksud seorang yang sangat pemalas. Sebelum itu, andaian (a) sangat pemalas merupakan andaian yang paling tepat seperti tuntutan oleh penutur S2 kepada S1. Merujuk kepada jadual 6, telah dijelaskan *baloq liat* dan *penyegan babi kasi* berserta dengan contoh ayat yang boleh mengukuhkan lagi kefahaman makna ayat tersebut kepada pendengar. Oleh itu, andaian (b) dan (c) tidak menepati syarat makna yang tepat untuk ayat yang diujarkan oleh S2. Namun

demikian, andaian-andaian itu sedikit sebanyak dapat menjadi andaian awalan untuk membantu pengkaji bagi merumuskan makna bahawa andaian (a) adalah andaian yang paling diharapkan oleh penutur. Merujuk Teori Relevans, setiap maklumat baru yang diterima oleh pendengar akan menghasilkan andaian baru. Perkara pertama yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah dengan melihat konteks keseluruhan cerita perbualan di antara S1 dengan S2 (Rujuk Lampiran). Dengan mengkaji dan meneliti perbualan tersebut didapati andaian (a) yang terbina itu adalah hasil kesan konteks atau kesan kognitif yang terlahir daripada konteks perbualan itu. Sebelum terhasil andaian tersebut, perkara ini telah mewujudkan kos untuk memproses maklumat yang tinggi diperlukan oleh pengkaji untuk mendapatkan kesahihan makna relevans. Hal ini kerana, usaha memproses ujaran yang diperkatakan oleh S2 kepada S1 itu sangat berat kerana pengkaji bukan dalam kalangan penutur jati dialek Pulau Pinang. Selepas itu, pengkaji mengalami kesusahan untuk menginterpretasi makna keseluruhan tanpa bantuan konteks dan kesan konteks. Siti Hajar Abdul Aziz (2007) telah menegaskan bahawa relevannya sesuatu ujaran, kesan konteks dan usaha memproses maklumat diperlukan. Bagi perbualan jadual 5, kos proses dianggap tinggi kerana pengkaji perlu berkerja keras dalam mendapat makna yang jelas bagi dialek Pulau Pinang tersebut. Melalui andaian-andaian yang terbina adalah salah satu penambahan maklumat yang akan mengembangkan ujaran apabila bersesuaian dengan konteks. Dengan itu, kekeliruan mengenai makna ayat dalam perbualan jadual 5 dapat diselesaikan dengan bantuan Teori Relevans.

KESIMPULAN

Kajian pragmatik sangat menarik untuk dikaji dengan secara mendalam. Hal ini kerana pragmatik adalah kajian yang mana melibatkan analisis ujaran-ujaran yang terdapat dalam perbualan yang kadangkalanya akan mewujudkan ketaksaan makna. Hal ini dalam kajian pragmatik, konteks sangat penting kerana melalui konteks akan melahirkan rumusan yang paling tepat melalui gabungan kesan konteks dan usaha memproses bagi menghasilkan sesuatu makna yang jelas dan tepat. Melalui kajian ini misalnya, pengkaji telah sedaya upaya untuk menyelesaikan makna leksikal penutur jati dialek Pulau Pinang dalam perbualan yang mewujudkan kekaburan kepada pendengar. Pengkaji telah meneliti perbualan dengan bantuan Teori Relevans yang berbekalkan tiga gagasan iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Hal ini kerana jika penutur tidak berada dalam situasi konteks cerita perbualan berkenaan, kos memproses maklumat adalah tinggi kerana penutur perlu berkerja keras dalam menggali cerita bagi mewujudkan andaian. Andaian pula terbina hasil daripada pengamatan pendengar mengenai konteks. Di situ akan hadirnya kesan kontek bagi memudahkan usaha memproses maklumat. Oleh itu, kajian pragmatik sangat wajar diperluaskan kajiannya dan perlu diaplikasikan. Cadangan pada masa akan datang, kajian ini perlu dilakukan terhadap dialek-dialek yang ada diseluruh Malaysia. Hal ini kerana Malaysia mempunyai banyak dialek yang ada keunikan yang tersendiri dan ia sangat menarik untuk dikaji.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood. (1990). *“Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas” dalam Jurnal Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). Implikatur dalam Kes “Pembunuhan Noritta”: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*.
- Asmah Hj. Omar (1991). *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id Al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Akob. (2005). *Dialek Geografi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal. Tesis Sarjana Sastera*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Fatin Rabiha Abdul Kadir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). *Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing. International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. Vol. 6; 13-24.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Harishon Radzi (2011). *Kata Soal Bila Dalam Dialek Kedah Melayu Baling: Satu Analisis Sintaksis*. *Gema Online Jurnal Of Language Studies* 11(1): 69-80.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Norasmira Noordin. 2012. *Kata tanya mana dalam dialek Pulau Pinang dalam Program Minimalis*. *Jurnal Bahasa*, 12 (1), 87-103.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan (2017). *Kata Soal Terbuka dan Tertutup Dialek Melayu Pulau Pinang*. *Aijlls April 2017 Vol. 1 Issue 2*.
- Norazila Alias. (1986). *Dialek Kuala Pilah, Satu Tinjauan Fonologi dan Leksikal*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaludin (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dawarna Sdn.Bhd.
- Norhidayu Hasan. (2018). *Implikatur Dalam Filem Patriotik. Tesis Master. UPM Serdang*.
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim. (2014). *Perbualan Masyarakat Daerah Kuala Terengganu. Journal of Business dan Social Development*, 2(1): 49-56.
- Nur Hafizah Razali & Normaliza Abd Rahim (2016). *Makna Ujaran Masyarakat Banjar Dari Sudut Pragmatik. Journal Of Business And Social Development*, 4 (1), 55-64.
- Ong Su Teck, Nur Syahida Adilah Suri & Rahim Aman (2016) *Fonologi Subdialek Pulau Pinang: Satu Kajian Di Balik Pulau*. *Jurnal Sains Kemanusiaan dan Sosial* Vol.11, No. 1 (2016) 186-201.
- Rogayah A. Razak (2005). *Dialek Pulau Pinang. Jurnal Bahasa*, 3(4), 588-606.
- Siti Hamidah Mohd Lasim. (2002). *Makna Wacana Perbualan antara Watak dalam Novel “Tragedi Di Hujung Senja”*: Satu Kajian Pragmatik. Tesis Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2007). *Bahasa Melayu Perbualan dengan Berdasarkan Analisis Model Pragmatik Gabungan Tambahan*. Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance Communication And Cognition*. Cambridge: Harvard University Press.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1999). *Relevans Komunikasi Dan Kognisi*. (N. H. Jalaluddin, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. (2012). *Meaning And Relevance*. Cambridge: Cambridge University Press.

*Leksikal Penutur Dialek Pulau Pinang dalam Kalangan Kakitangan Lembaga
Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dari Sudut Pragmatik
Zul Hanis Yop Othman & Nabillah bt. Bolhassan*

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2000). *“Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-kanak Melayu- Satu Analisis Pragmatik”*. Tesis Sarjana. UPM. Serdang.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). *Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanakkanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis PhD. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zul Hanis Yop Othman, Zaitul Azma Zainon Hamzah (2020). *Ketaksaan Leksikal Dalam Perbualan Masyarakat Peniaga Terengganu: Jurnal Linguistik Vol. 24 (1) Jun 2020*